

Masturah melakar sejarah

Beraksi untuk Magoo Stars di Liga Maldives

UB 15.8.2018 A23

Oleh VITALIS G
BINGKASAN

KOTA KINABALU: Pemain futsal dan bola sepak kebangsaan Sabah, Masturah Majid akan bermain untuk kelab Magoo Stars di Liga

Maldives 2018 pada 15-25 Ogos.

Pemain berasal dari Tuaran yang juga staf Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu adalah ketua pasukan bola sepak negara pada Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur.

Beliau juga merupakan pemain futsal UMS, Sabah dan kebangsaan.

Bekas ketua jurulatih bola sepak wanita kebangsaan yang juga Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah berkata, ia adalah satu sejarah kerana buat julung kalinya pemain wanita negara ini bermain untuk pasukan di liga futsal luar negara.

“Ia adalah satu penghargaan dan kebanggaan kerana buat pertama kalinya pemain Malaysia bermain untuk pasukan di liga luar negara. Ini secara langsung mengharumkan bukan sahaja nama Malaysia tetapi juga Sabah dan UMS.”

mengharumkan bukan sahaja nama Malaysia tetapi juga Sabah dan UMS,” kata Asyraaf dalam kenyataan pada Selasa.

Sambilitu, Masturahmahu memanfaatkan sepenuhnya peluang beraksi di liga luar negara yang pastinya lebih kompetitif itu untuk menimba pengalaman bagi mempertingkatkan lagi prestasinya.

Beliau berterima kasih kepada pengurusan UMS terutamanya Naib Canselor Prof. Datuk Dr. D. Kamarudin D. Mudin kerana memberi pelepasan untuk membolehkannya beraksi di Liga Maldives.



MASTURAH

MOHD ASYRAAF FONG ABDULLAH

Bekas ketua jurulatih bola sepak wanita kebangsaan